

10/03/1998

Sukma: Upacara penutup awal sehari

Rasid Rahaman

UPACARA penutup Sukan Malaysia (Sukma) VII yang dijangka dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlangsung sehari lebih awal, iaitu pada 26 April, berikutan tarikh asal 27 April jatuh pada awal Muharam.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata Jawatankuasa Penganjur Sukma VII yang bermesyuarat di Shah Alam, semalam memutuskan majlis penutup itu perlu dibuat sehari lebih awal memandangkan tarikhnya tidak sesuai.

"Langkah ini wajar bagi mengelak kekeliruan kerana pada tarikh itu umat Islam negara ini menyambut awal Muharam.

"Kita berharap Perdana Menteri ada kelapangan untuk merasmikan majlis penutup Sukma VII di Stadium Shah Alam," katanya dalam sidang akhbar Ekspo Sukma VII 1998 di Shah Alam, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Sukma VII, Ch'ng Toh Eng dan Pengerusi Majlis Sukan Negeri Selangor, Datuk Zainal Dahalan.

Bagaimanapun, katanya, pembukaan rasmi oleh Pemangku Raja Selangor di Stadium Shah Alam tetap berlangsung mengikut jadual iaitu 18 April.

Abu Hassan berkata, dia berpuas hati dengan persiapan Jawatankuasa Pelaksana Sukma VII berikutan semua perkara berkaitan kini sudah tersedia.

Selain itu, dia berkata, Jawatankuasa Pelaksana Sukma VII juga menetapkan sehari sebelum pembukaan rasmi kejohanan itu, satu upacara menaikkan bendera Perkampungan Sukma VII di Institut Teknologi Mara (ITM), Shah Alam.

Sehingga ini, katanya, 16 kontinjen mengesahkan akan mengambil bahagian iaitu Perak, Pahang, Kelantan, Melaka, Pulau Pinang, Perlis, Terengganu, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), Johor, Kedah, Labuan, Sabah, Negeri Sembilan, Sarawak dan Kuala Lumpur.

"Seramai 4,538 pegawai dan peserta yang terbabit dalam temasya sembilan hari itu akan ditempatkan di kampus ITM," katanya.

Sehubungan itu, Abu Hassan berharap Sukma VII yang menyediakan 24 acara sukan dengan 264 pingat emas, 264 perak dan 310 pingat gangsa berjalan dengan baik dan meriah.

"Bagi memastikan pegawai dan atlit menerima layanan memuaskan, Jawatankuasa Pelaksana turut menempatkan 650 sukarelawan untuk membantu mereka," katanya.

Di samping itu, katanya, satu Ekspo Sukma VII juga akan diadakan di Tapak Ekspo Seksyen 15 Shah Alam mulai 17 April ini.

"Ekspo ini bertujuan membolehkan Sukma VII menjadi lebih meriah kerana selain dapat menarik peserta dan pegawai, ia juga boleh menarik lebih ramai pengunjung dari dalam dan luar negara," katanya.

(END)